

03 MAY 2002

Mahathir-Palestin

DR MAHATHIR SEDIH PBB BUBAR MISI KE JENIN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedihnya dengan tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membubarkan misi pencari fakta ke Kem Pelarian Jenin.

"Saya merasa sedih pengunduran PBB yang diisytiharkan oleh (Setiausaha Agung) Kofi Annan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Pembudayaan ICT di sini hari ini.

Seminar sehari bertajuk Menangani Cabaran K-Ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan ICT anjuran Pemuda Umno itu dihadiri lebih 800 orang termasuk pelajar universiti dan usahawan muda.

Semalam Annan mengumumkan beliau akan membubarkkan misi itu selepas Israel berkeras enggan membenarkan pasukan yang dilantik memasuki kawasan mereka.

Dr Mahathir berkata: "Kalau satu negara Israel boleh mengingkari seluruh dunia, tak gunalah ada PBB."

Apabila ditanya sama ada pembebasan Presiden Palestin Yasser Arafat selepas 150 hari dalam kepungan Israel itu satu tindakan yang memadai, Dr Mahathir berkata bagi Malaysia, ia mempunyai pendirian melibatkan beberapa isu termasuk tentang perlunya pasukan PBB di Palestin.

Selain itu, katanya, Malaysia mengharapkan rakyat Palestin tidak diganggu, dan mereka yang dahulunya tinggal di Israel pulang ke tempat asalnya.

Semasa Israel ditubuhkan pada tahun 1948, seramai 750,000 rakyat Palestin telah diusir dari tanah mereka dan menjadi pelarian di negara-negara Arab.

Dr Mahathir berkata selain itu tindakan perlu diambil untuk meroboh penempatan yang didirikan secara haram di tanah bawah kawalan Palestin, dan penduduk penempatan itu perlu kembali ke Israel.

Mengenai tindakan undang-undang di bawah Piagam PBB yang boleh diambil terhadap Israel, Dr Mahathir berkata tindakan undang-undang boleh diambil jika terdapat penguatkuasaan melalui kekuatan negara-negara yang menyokong PBB.

"Kalau negara yang terkuat menyokong PBB tidak mahu mengambil tindakan, secara tidak langsung Israel mempunyai kuasa negara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah penting bagi negara Islam mempunyai satu pendapat bagaimana untuk menangani masalah Palestin-Israel.

"Selagi mereka berpecah-belah mereka tidak akan dapat menggunakan kekuatan yang ada pada mereka untuk membanteras keangkuhan Israel," katanya.

Beliau berkata walaupun negara-negara Islam mengadakan mesyuarat mengenai isu itu, tidak semuanya hadir.

"Kalau kita ada satu tindakan yang berkesan, ada negara Islam yang lain juga yang menentukan tindakan itu akan gagal," katanya.

Ditanya sama ada isu Palestin akan disentuh pada pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat George Bush di Washington semasa lawatannya selama tiga hari mulai 13 Mei, beliau berkata: "Saya tidak tahu setakat mana saya boleh bercakap. Sedikit-sebanyak kita cakaplah."

Beliau berkata biasanya bila berjumpa dengan pemimpin besar, masa yang diberikan adalah antara 45 minit dengan satu jam.

-- BERNAMA

HK LES AHH NMO